

09 MAY 2002

MOGGIE-TARIF/I

TARIF TELEFON TALIAN TETAP MUNGKIN DIKAJI SEMULA, KATA MOGGIE

CYBERJAYA, 9 Mei (Bernama) -- Tarif telefon talian tetap akan dikaji semula sekiranya bentuk kadar panggilan tidak menunjukkan sebarang pengurangan kos bagi panggilan jauh dan antarabangsa, kata Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie, hari ini.

Kementerian, katanya menunggu rekod daripada Telekom Malaysia Bhd bagi sampel sebenar bentuk kadar panggilan sejak pelaksanaan tarif baru pada Mac lalu dan syarikat itu akan menyerahkan angka tersebut bulan depan.

"Kalau kita lihat ia tidak seperti yang dibayangkan dulu, kita boleh cari jalan untuk meminta mereka memikir semula tapi kalau mengikut bayangan dulu, bil itu sepatutnya lebih rendah berbanding sebilangan kecil yang hanya membuat panggilan tempatan semata-mata," katanya kepada pemberita selepas pelancaran perkhidmatan akses Internet Jalur Lebar "City Broadband" di sini.

Perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar itu dipercayai merupakan perkhidmatan komersil tanpa wayar pertama di dunia menggunakan sistem kad pra-bayar.

Moggie, yang diminta mengulas gesaan supaya mengurangkan kadar telefon berkata, apabila kerajaan membenarkan kadar talian tetap disemak semula pada Mac, matlamatnya adalah untuk memastikan terdapat peningkatan dalam aliran menurun bagi kos jarak jauh dan antarabangsa manakala komponen subsidi dalam sektor tempatan dikurangkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pada 3 Mei lalu menggesa Telekom Malaysia menurunkan kadar agar lebih ramai orang boleh menggunakan kemudahan telekomunikasi.

Di bawah kadar baru itu, bayaran panggilan antarabangsa telah diturunkan sebanyak 7.0 kepada 67 peratus manakala bayaran panggilan nasional di luar jarak 25 kilometer dikurangkan kepada antara 23 dan 54 peratus. Bagaimanapun, tarif bagi panggilan tempatan meningkat sebanyak 1.0 sen daripada 3.0 sen seminit.

Telekom Malaysia menguasai lebih 90 peratus daripada pasaran talian tetap Malaysia.

Moggie berkata sementara menunggu angka daripada Telekom Malaysia, kerajaan menggesa syarikat telekomunikasi terutama pengendali talian pajak menawarkan kadar lebih kompetitif bagi faedah pelanggan.

"Kini anda mempunyai pemasangan kabel optik, rangkaian kabel optik yang menyeluruh di seluruh negara, peluangnya adalah saiz kabel membawa banyak signal saluran dan kos teknologi akan turun.

"Oleh itu kami mengharap syarikat-syarikat akan terus melihat dan menyebarkan kelebihan teknologi moden kepada pengguna," katanya.

Mengenai pelancaran kemudahan jalur lebar di Cyberjaya, Moggie memuji inisiatif yang diambil oleh Setia Haruman Technology City Broadband itu dan beliau mengaitkannya kepada keputusan yang dibuat oleh kerajaan tahun lalu untuk membuka operasi kemudahan rangkaian perkhidmatan prasarana kepada semua pengendali.

Sebelum ini, Telekom Malaysia memonopoli operasi rangkaian prasarana dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) termasuk Cyberjaya.

Moggie juga menggesa rakyat Malaysia supaya memperbanyakkan kandungan tempatan dalam internet dengan format lebih menarik termasuk televisyen online seperti yang disediakan oleh negara-negara lain terutama kini dengan adanya prasarana seumpama itu.

City Broadband merupakan perkhidmatan akses internet jalur lebar khusus

yang disediakan oleh Setia Haruman Technology Sdn Bhd, cabang IT Setia Haruman Sdn Bhd, pemaaju utama Pusat Bandar Zon Utama Cyberjaya.

Perkhidmatan ini kini ditawarkan kepada semua syarikat perniagaan dan kediaman di Cyberjaya, menyediakan laluan internet pada kelajuan 50 kali ganda lebih pantas berbanding perkhidmatan dail biasa yang disediakan oleh penyedia perkhidmatan internet (ISP) lain.

Perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar itu merupakan perkhidmatan yang berasaskan kepada piawaian 802.11b (dikenali sebagai WiFi) yang mempunyai kapasiti transmisi sehingga 11Mbps. -- BERNAMA

AFY KTC ZK